



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
No. 26

19hb Disember 2013

TAMBAHAN
No. 2

No. 1218.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL
PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN) 2013

SUSUNAN PERENGGAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Perenggan

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen
4. Permohonan lesen
5. Tempoh sah lesen
6. Membaharui lesen

Perenggan

7. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
8. Fi tidak boleh dibayar balik
9. Pindahmilik lesen
10. Salinan lesen
11. Deposit
12. Penggantungan atau pembatalan lesen
13. Rayuan
14. Kesan penggantungan, pembatalan atau tamat tempoh lesen

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM

15. Kebersihan
16. Menyediakan tong sampah
17. Pembuangan sampah
18. Menumpahkan bahan mengganggu di tempat awam
19. Pelepasan effluen dan kumbahan
20. Bekalan air
21. Kemudahan kebersihan
22. Pencahayaan dan pengalihan udaraan
23. Peparitan
24. Keselamatan pekerjaan dan kebersihan
25. Peruntukan bilik mes dll
26. Pencegahan kebakaran
27. Bahan mudah terbakar
28. Penstoran
29. Pembakaran

Perenggan

30. Penyebaran habuk dan sebagainya
31. Bising
32. Waktu operasi
33. Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

BAHAGIAN IV

LARANGAN TRED, PERNIAGAAN ATAU PERINDUSTRIAN

34. Larangan perniagaan Sport Toto, empat nombor atau seumpamanya

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

35. Kuasa masuk dan memeriksa
36. Penggeledahan
37. Pemeriksaan orang perempuan
38. Penyitaan
39. Perlucuthakan
40. Perlucuthakan jika ada pendakwaan
41. Perlucuthakan jika tiada pendakwaan
42. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
43. Kuasa menutup premis
44. Kuasa menangkap
45. Penalti kerana menghalang

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

46. Pengkompaunan kesalahan
47. Kuasa meminda Jadual
48. Penalti
49. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL
PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73, 102(s) dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Kemaman membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Kemaman) 2013**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai dalam kawasan Majlis Perbandaran Kemaman.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“efluen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127];

“efluen perindustrian” ertinya sisa cecair atau air sisa yang terhasil oleh sebab atau semasa proses pengeluaran yang berlaku di mana-mana premis perindustrian;

“kacau ganggu” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“kiosk” bagi maksud Undang-Undang Kecil ini bererti apa-apa struktur di dalam bangunan atau pusat membeli belah;

“kumbahan” ertinya apa-apa lepasan cecair yang mengandungi kumuhan manusia, haiwan atau bahan tumbuh-tumbuhan dalam bentuk terampai atau larutan yang diperolehi daripada aktiviti domestik dan terhasil dari premis komersial, institusi dan industri termasuk lepasan cecair dari tandas, besen singki, bilik air dan apa-apa perkakas kebersihan lain tetapi tidak termasuk air hujan dan efluen perindustrian;

“lesen” ertinya apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini ke atas mana-mana tempat atau premis yang menjalankan apa-apa bentuk tred, perniagaan atau perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“luas lantai” ertinya jumlah luas ruang lantai yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen bagi tujuan menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kemaman;

“pemegang lesen” ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“perindustrian” ertinya apa-apa aktiviti perindustrian yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“perniagaan” ertinya apa-apa aktiviti perniagaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Majlis Perbandaran Kemaman;

“premis” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta133*];

“premis berlesen” ertinya mana-mana premis yang menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“pusat siber” ertinya premis berlesen yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet atau multimedia;

“tred” ertinya apa-apa aktiviti tred yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Lesen

3. (1) Tiada seseorang pun boleh menjalankan apa-apa bentuk tred, perniagaan atau perindustrian di mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Fi yang dikenakan bagi sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Permohonan lesen

4. (1) Sesuatu permohonan bagi sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui borang yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki mana-mana pemohon bagi pengeluaran atau pembaharuan sesuatu lesen supaya hadir sendiri atau, dalam hal sesuatu perbadanan atau firma, seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut supaya hadir, semasa lesen tersebut dikeluarkan atau diperbaharui.

(3) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan semasa mengemukakan permohonan lesen.

(5) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada –

- (a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;
- (b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua; dan
- (c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(6) Lesen hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Tempoh sah lesen

5. (1) Lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah, melainkan digantung atau dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melesen, terus berkuatkuasa bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(2) Tarikh sah laku lesen adalah bermula dari tarikh kelulusan lesen oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Membaharui lesen

6. (1) Suatu lesen itu boleh diperbaharui dengan mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan semasa mengemukakan permohonan membaharui lesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu keputusan itu kepada pemohon secara bertulis.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

7. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premisnya dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesennya di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud peruntukan ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai suatu salinan benar lesen dan hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Fi tidak boleh dibayar balik

8. Apa-apa fi yang dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dibayar balik.

Pindahmilik lesen

9. (1) Suatu lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain melainkan dia mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen terlebih dahulu.

(2) Apa-apa permohonan pindahmilik lesen hendaklah dikenakan fi pemprosesan semasa permohonan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(3) Fi pindahmilik lesen yang kena dibayar hendaklah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua atau lima puluh ringgit, yang mana lebih tinggi.

Salinan lesen

10. (1) Sesuatu lesen boleh disalin dan diperakui tertakluk kepada permohonan yang dibuat oleh pemohon bersama-sama dengan kebenaran bertulis daripada pemegang lesen

(2) Fi yang kena dibayar adalah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Deposit

11. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini menghendaki mana-mana orang untuk memberikan deposit yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dalam bentuk sebagaimana Pihak Berkuasa Melesen boleh tentukan, bagi memastikan pematuhan wajar dengan apa-apa syarat atau sekatan atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucuthakkan deposit dalam kesemua atau sebahagian daripada deposit itu jika Pihak Berkuasa Melesen itu berpuas hati bahawa terdapat suatu pelanggaran mana-mana syarat, sekatan atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Tertakluk kepada perenggan (2), Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengembalikan deposit setelah menerima notis bertulis daripada pemegang lesen untuk –

- (a) menghentikan aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian semasa tempoh lesennya masih sah; atau
- (b) tidak membaharui lesen aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian selepas lesennya tamat tempoh.

(4) Walau apapun perenggan (2), perlucuthakkan apa-apa deposit atau mana-mana bahagiannya di bawah perenggan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan mana-mana orang kerana melanggar apa-apa syarat atau sekatan sesuatu lesen atau melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Penggantungan atau pembatalan lesen

12. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa –

- (a) pemegang lesen melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan;
- (b) pemegang lesen telah sama ada semasa mengemukakan permohonan lesen atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pihak Berkuasa Melesen, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
- (c) pemegang lesen menjalankan aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian yang boleh memudaratkan kepentingan awam atau ekonomi;
- (d) pemegang lesen telah tidak berurus niaga dalam apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian yang dilesenkan selama tempoh tiga bulan berturut-turut atau telah berhenti menjalankan mana-mana tred, perniagaan perindustrian yang dilesenkan;
- (e) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau satu ketetapan bagi penggulungan sukarelanya telah diluluskan;
- (f) pemegang lesen telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud atau pecah amanah; atau
- (g) pemegang lesen telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum menggantung atau membatalkan lesen itu, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan menghendaki pemegang lesen itu mengemukakan alasan secara bertulis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan untuk menggantung atau membatalkan lesen itu selepas pemegang lesen mengemukakan alasan dan Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuashati dengan alasan yang diberikan atau jika pemegang lesen telah gagal untuk mengemukakan alasan dalam masa yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberitahu pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Penggantungan atau pembatalan lesen itu hendaklah mula berkuat kuasa—

- (a) jika tiada rayuan dibuat di bawah undang-undang kecil 13 terhadap penggantungan atau pembatalan sedemikian, apabila habisnya tempoh empat belas hari tarikh notis penggantungan atau pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen; atau
- (b) jika terdapat rayuan terhadap penggantungan atau pembatalan sedemikian, apabila penggantungan atau pembatalan itu disahkan oleh Majlis.

(5) Jika suatu lesen telah digantung atau dibatalkan di bawah perenggan (3), pemegang lesen yang lesennya digantung atau dibatalkan hendaklah menghentikan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian sehinggalah rayuan itu didengar dan pembatalan itu telah diketepikan oleh Majlis.

(6) Jika penggantungan atau pembatalan lesen itu telah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah—

- (a) menyampaikan suatu salinan notis penggantungan atau pembatalan lesen kepada orang yang mengurus dan mengawal premis yang dilesenkan; dan
- (b) menampal suatu salinan notis penggantungan atau pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan.

Rayuan

13. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan –

- (a) keengganannya Pihak Berkuasa Melesen untuk membaharui lesen di bawah subperenggan 6(3); atau
- (b) keputusan Pihak Berkuasa Melesen untuk membatalkan lesen di bawah undang-undang kecil 12,

boleh merayu secara bertulis kepada Majlis dalam masa empat belas hari dari tarikh notis keengganannya atau pembatalan itu disampaikan kepada orang itu.

(2) Keputusan Majlis atas rayuan adalah muktamad.

Kesan penggantungan, pembatalan atau tamat tempoh lesen

14. (1) Jika penggantungan atau pembatalan sesuatu lesen di bawah undang-undang kecil 13 telah mula berkuat kuasa atau jika lesen itu telah habis tempoh mengikut undang-undang kecil 5, pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta berhenti menjalankan atau menguruskan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian.

(2) Walau apa pun perenggan (1) pemegang lesen yang lesennya telah habis tempoh boleh menjalankan atau menguruskan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustriannya apabila dibuktikan kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa pemegang lesen itu telah memohon pembaharuan lesen di bawah undang-undang kecil 6.

(3) Mana-mana orang yang menjalankan atau menguruskan suatu premis berlesen semasa tempoh penggantungan atau selepas pembatalan lesen adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III**PERUNTUKAN AM****Kebersihan**

15. Pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyenggara atau menyebabkan disenggarakan tiap-tiap bahagian premis tred, perniagaan atau perindustrian, termasuk tandas, pasangan dan lekapan, supaya berada dalam keadaan bersih pada setiap masa sehingga memuaskan hati Pihak Berkuasa Melesen.

Menyediakan tong sampah

16. Pemegang lesen hendaklah menyediakan tong sampah bertutup yang cukup mengikut kategori dan jenis sampah sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Pembuangan sampah

17. (1) Semua sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai dan hendaklah diikat dengan sempurna sebelum dimasukkan ke dalam suatu tong sampah.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menentukan bahawa semua sampah-sarap yang terkumpul semasa menjalankan perniagaan itu dibuangkan dari semasa ke semasa ke dalam suatu tong sampah.

(3) Setiap pemegang lesen hendaklah memastikan tapak tempat perniagaannya bersih dan bebas dari sebarang kekotoran semasa dan selepas perniagaannya tamat.

Menumpahkan bahan mengganggu di tempat awam

18. (1) Pemegang lesen tidak boleh:

- (a) meletak, menyimpan, membuang, menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, disimpan atau dibuang apa-apa habuk, kotoran, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong, karung atau benda ke dalam mana-mana longkang, siarkaki, kawasan pejalan kaki, tempat awam atau mana-mana jalan hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa benda atau barang di mana-mana tempat di mana ianya atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam mana-mana longkang, siarkaki, kawasan pejalan kaki, tempat awam atau mana-mana jalan hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (c) menjemur apa-apa benda, makanan atau barang di mana-mana longkang, siarkaki, kawasan pejalan kaki, tempat awam atau mana-mana jalan hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (d) menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair kotor atau benda yang mengganggu atau kotor dari apa-apa jenis yang dialirkan atau masuk ke dalam mana-mana longkang, siarkaki, kawasan pejalan kaki, tempat awam atau mana-mana jalan hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (e) menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, tanah liat, batu, rumput, jerami, sisa kayu, habuk kayu yang digergaji, abu, sampah kebun, sampah kandang, sampah tred, baja sampah atau apa-apa barang lain atau benda ke dalam mana-mana longkang, siarkaki, kawasan pejalan kaki, tempat awam atau mana-mana jalan hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (f) mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau bahan lain dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam mana-mana longkang, siarkaki, kawasan pejalan kaki, tempat awam atau mana-mana jalan hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya; atau

- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau benda atau barang ke dalam mana-mana longkang, siarkaki, kawasan pejalan kaki, tempat awam atau mana-mana jalan hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pelepasan effluen dan kumbahan

19. Tiada mana-mana pemegang lesen boleh melepas atau menyebabkan atau membenarkan dilepaskan sebarang effluen atau kumbahan kecuali pada tempat atau tempat-tempat pelepasan effluen dan hendaklah mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Bekalan air

20. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan di tempat atau premis berlesen bekalan air dari paip yang disambung ke sesalur utama air dari bekalan air awam atau punca lain yang memuaskan hati Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada bekalan air boleh diambil dari pili atau sumber lain dari dalam tandas atau bilik air.

Kemudahan kebersihan

21. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki premis berlesen menyediakan tandas yang sesuai, singki, besen membasuh, tempat mencuci pinggan mangkuk dan bilik basuh menurut apa-apa cara dan jumlah yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap tandas pada setiap masa dilengkapi dengan bekalan air yang mencukupi, kertas tandas, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah dan alat pengering tangan elektrik, tuala bergulung atau tuala bersih, kertas tisu, kepala paip air dan baldi atau getah penyalur untuk tujuan pembersihan.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan tiap-tiap tandas, singki, besen membasuh, tempat membuang air kecil, bilik mandi, tempat mencuci pinggan mangkuk, alatan dan lekapan lain yang dipasang di dalamnya hendaklah dalam keadaan bersih pada setiap masa, diselenggarakan, dibaiki dan diganti apabila perlu dan dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen pada bila-bila masa.

(4) Dinding tandas, bilik mandi dan tempat membuang air kecil hendaklah dibuat daripada jubin bersinar dan tingginya tidak kurang dari 1.5 meter dan lantai hendaklah dipasang jubin tidak licin.

(5) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, bilik mandi dan bilik basuh hendaklah dibekalkan dengan lampu dan peredaran udara yang mencukupi atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Setiap tandas, tempat membuang air kecil, sinki dan lain-lain alat buangan kotoran hendaklah disalurkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(7) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tandas sentiasa dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu perniagaan.

Pencahayaan dan pengalih udaraan

22. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa –

- (a) terdapat cahaya yang terang dan mencukupi di dalam premisnya;
- (b) sistem lampu kecemasan dalam keadaan baik dan boleh dikendalikan dan hendaklah diletakkan di mana-mana tangga, laluan dan pintu keluar premis berlesen;
- (c) terdapat pengudaraan yang mencukupi di dalam premis itu; dan
- (d) setiap tangga, laluan dan jalan keluar kecemasan yang menjadi sebahagian daripada premis itu mendapat pencahayaan yang mencukupi,

yang memuaskan hati Pihak Berkuasa Melesen.

Peparitan

23. Semua premis hendaklah diadakan dengan saliran permukaan dan saliran utama yang mencukupi, pembetung, salur dan alur air mengikut spesifikasi, sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen, untuk mengalirkan air selain daripada kumbahan. Tiada parit atau paip untuk membawa air hujan lebat atau air mandian atau bahan najis atau kumbahan, selain daripada paip tanah yang dibina dengan betul boleh dipasang menerusi premis.

Keselamatan pekerjaan dan kebersihan

24. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan suasana selamat dan sihat di premis berlesen kepada pekerjaanya seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Lantai dan tangga di setiap premis berlesen hendaklah—

- (a) diselenggara dalam keadaan rata, baik, tidak licin dan tidak berbahaya; dan
- (b) bebas dari lubang selepas pemasangan penutup, saluran air atau konduit yang tidak sempurna dan bebas daripada paku-paku, injap atau paip terkeluar atau bebas daripada lain-lain alat atau halangan yang jelas.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyediakan kotak perubatan kecemasan yang mencukupi dan hendaklah diletakkan pada tempat yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Tiada sebarang peralatan atau barang milik pekerja atau pakaian boleh disimpan atau digantung di mana-mana bahagian premis berlesen kecuali di dalam almari berkunci atau dalam bilik rehat atau ruangan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan premis berlesen menjadi tidak sesak sehingga boleh menyebabkan kecederaan atau berbahaya kepada kesihatan pekerjaanya.

Peruntukan bilik mes, dll.

25. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerjaanya kemudahan yang sesuai dan mencukupi seperti bilik sembahyang, bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan almari yang sesuai atau kemudahan lain kepada pekerjaanya.

(2) Jika pekerja di premis berlesen terdiri daripada lelaki dan perempuan, kemudahan bilik sembahyang, bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan almari yang sesuai atau kemudahan lain hendaklah disediakan secara berasingan oleh pemegang lesen.

Pencegahan kebakaran

26. Pemegang lesen hendaklah memastikan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan—

- (a) kelengkapan melawan kebakaran yang cukup dipasang, disenggara dan berfungsi dengan baik;
- (b) semua tangga, laluan, platform dan jalan keluar disediakan, disenggara dan berfungsi dengan baik; dan
- (c) semua tangga, laluan, platform dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibuat dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan mudah.

Bahan mudah terbakar

27. (1) Simen, bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang reka bentuknya telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Bagi pelarut, larutan atau simen yang mempunyai suatu takat kilat di bawah 22.8° *Celsius* yang disimpan dalam kuantiti melebihi 45.5 liter, suatu stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Pihak Berkuasa Melesen.

Penstoran

28. Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan berbahaya dan mengganggu akibat daripadanya.

Pembakaran

29. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan mudah terbakar atau sampah sarap melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Penyebaran habuk dsb.

30. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan atau membenarkan penyebaran habuk, asap, wap, haba gas, radiasi, bau, getaran, atau jelaga dalam apa-apa kuantiti dari tempat atau premis berlesennya yang adalah suatu kacau ganggu atau mencemarkan udara.

Bising

31. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bunyi bising yang akan menjadi kacau ganggu semasa menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian.

Waktu operasi

32. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian tidak dibenarkan beroperasi di tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan itu.

(2) mana-mana pemegang lesen yang menjalankan aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat

33. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh, dari semasa ke semasa—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu; atau
- (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(2) Sebelum Pihak Berkuasa Melesen membuat keputusan di bawah perenggan (1), pemegang lesen hendaklah diberikan —

- (a) suatu notis bertulis mengenai niat Pihak Berkuasa Melesen beserta dengan cadangan mengenai penganan, perubahan atau pembatalan itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat penghujahan bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada tujuh hari.

(3) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah, selepas menimbangkan apa-apa penghujahan bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen itu dan dengan mengambil kira dengan sewajarnya apa-apa syor, memutuskan sama ada untuk mengenakan syarat tambahan atau mengubah atau membatalkan mana-mana syarat yang sedia ada atau untuk tidak mengambil tindakan lanjut.

(4) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis mengenai keputusan Majlis di bawah perenggan (3) dan keputusan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

BAHAGIAN IV

LARANGAN TRED, PERNIAGAAN ATAU PERINDUSTRIAN

Larangan perniagaan Sport Toto, empat nombor ekor atau seumpamanya

34. Tiada seseorang pun boleh menjalankan apa-apa bentuk perniagaan Sport Toto, empat nombor ekor atau seumpamanya di mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Kuasa masuk dan memeriksa

35. (1) Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana premis atau premis berlesen; dan

(b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis tersebut.

(2) Jika pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana premis atau premis berlesen, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan pihak Berkuasa melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor itu masuk dengan bebas ke dalamnya iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mna premis berlesen mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor itu, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam premis berlesen itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana premis atau premis berlesen yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjaanya atau orang yang menjaga premis berlesen itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor membuka atau menyebabkan premis tersebut dibuka, dan hendaklah membenarkan mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika premis tersebut tidak dapat dimasuki, maka pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

(5) Bagi maksud pemeriksaan di bawah perenggan (1), Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor boleh –

- (a) memeriksa premis atau premis berlesen itu;
- (b) menghendaki mana-mana orang mengemukakan barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda lain atau memberikan apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis berpangkat tidak rendah dari Inspektor; dan
- (c) mendapatkan capaian kepada mana-mana atur cara atau data yang disimpan di dalam mana-mana komputer atau mendapat capaian kepada, memeriksa atau menyemak pengendalian, mana-mana komputer dan apa-apa radas atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(6) Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan penggeledahan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diberi akses kepada data komputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(7) Dalam Undang-undang Kecil ini, “akses” termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data komputer difahami.

Penggeledahan

36. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa –

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis atau premis berlesen; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di premis tersebut,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang dinamakan dalam waran itu, dengan atau tanpa apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apapun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa –

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis atau premis berlesen; dan
- (b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh dengan atau tanpa apa-apa bantuan memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana premis tersebut.

Pemeriksaan orang perempuan

37. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 35 dan 36 kecuali oleh seorang perempuan.

Penyitaan

38. (1) Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menyita apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan tred, perniagaan atau perindustrian atau dapat memberikan keterangan tentang perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda di premis atau premis berlesen hendaklah menyediakan suatu senarai barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita dan dengan segera menyerahkan sesalinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya premis itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di premis itu.

(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita di bawah perenggan (2) itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah undang-undang kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita di bawah perenggan (2) hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Perlucuthakan

39. Semua barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

Perlucuthakan jika ada pendakwaan

40. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, perlucuthakan atau pelepasan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda hanya boleh dibuat atas perintah Mahkamah yang dihadapannya pendakwaan telah diputuskan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa –

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan
- (b) apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket dokumen atau benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucuthakkan barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang dilucuthakan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Yang Dipertua dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Yang Dipertua.

Perlucuthakan jika tiada pendakwaan

41. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthakan kepada Yang Dipertua apabila tamat tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyitaan melainkan suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa barang, buku, rekod, tiket, akaun, dokumen atau benda itu tidak boleh dilucuthakan boleh, sama ada dia sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Yang Dipertua bahawa dia menuntut barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda yang disita itu.

(3) Atas penerimaan suatu notis di bawah perenggan (2), Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya barang, buku, rekod, akaun, tiket, dokumen atau benda itu dilepaskan tertakluk kepada fi yang ditetapkan oleh Majlis.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

42. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa menutup premis

43. (1) Tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 38 dan 39 Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh, dengan serta merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana premis jika dia berpuas hati bahawa-

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;
- (b) penutupan itu adalah perlu untuk atau yang bermanfaat untuk kepentingan awam; atau
- (c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

(2) Jika premis berlesen ditutup di bawah perenggan (1) lesen bagi premis tersebut hendaklah disifatkan digantung dalam tempoh penutupan itu,

(3) Semasa tempoh penutupan pemegang lesen hendaklah mengambil langkah seperti yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk memastikan bahawa semua syarat dan sekatan lesen serta mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh selepas menjalankan siasatan yang membenarkan premis berlesen dibuka jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa punca penutupan diselesaikan dan dihapuskan atau semua syarat dan sekatan lesen serta mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini telah dipatuhi.

(5) Jika sehingga akhir tempoh penutupan, pemegang lesen masih gagal untuk mematuhi mana-mana syarat sekatan lesen atau mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini maka Pihak Berkuasa Melesen hendaklah membatalkan lesennya.

Kuasa menangkap

44. (1) Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia percayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini –

(a) jika nama dan alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama dan alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Penalti kerana menghalang

45. Seseorang yang menghalang, mengganggu atau menyerang Pihak Berkuasa Melesen, mana-mana pegawai yang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor untuk menjalankan atau melaksanakan kewajipannya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Pengkompaunan Kesalahan

46. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis, bayaran tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1) tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Kuasa meminda Jadual

47. Majlis boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, meminda atau membatalkan kesemua atau mana-mana bahagian Jadual di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Penalti

48. Mana-mana orang yang melanggar apa-apa peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pembatalan

49. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), apabila Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kemaman) 1989 ("Undang-Undang Kecil terbatal") hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah terbatal di Majlis Perbandaran Kemaman.

(2) Walau apapun perenggan (1) –

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung di dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-Undang Kecil terbatal sebelum mulanya berkuat kuasa Undang-Undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-Undang Kecil terbatal yang belum diputuskan sebelum mulanya berkuat kuasa Undang-Undang Kecil ini hendaklah diteruskan di bawah Undang-Undang Kecil terbatal seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen, notis dan lain-lain dokumen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil terbatal hendaklah terus berkuatkuasa sehingga tamat tempoh yang baginya ia telah diberikan tetapi ianya hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan ia boleh dibatalkan dibawah dan mengikut Undang-Undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa lantikan atau pemberikuasaan yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil terbatal hendaklah terus berkuat kuasa

seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini ,
sehinggalah perlantikan atau pemberikuasaan itu dibatalkan atau
diganti di bawah Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL PERTAMA

[perenggan 4(3), 7(3), 9(2), 9(3) dan 10(2)]

FI PEMPROSESAN LESEN

- | | | |
|-----------------------|---|-----------|
| (a) Permohonan | : | RM 10.00 |
| (b) Tred / Perniagaan | : | RM 50.00 |
| (c) Perindustrian | : | RM 100.00 |

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

- | | | |
|----------------------------------|---|----------|
| (a) Salinan lesen yang diperakui | : | RM 20.00 |
|----------------------------------|---|----------|

FI PEMPROSESAN PINDAHMILIK LESEN

- | | | |
|-----------------------|---|--|
| (a) Fi pemprosesan | : | RM 20.00 |
| (b) Pindahmilik lesen | : | 20 % daripada Fi Lesen
atau RM 50.00,
yang mana lebih tinggi |

JADUAL KEDUA

[Perenggan 3(2)]

NO JENIS TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN FI LESEN
 YANG DIJALANKAN DI DALAM PREMIS

A. ALATAN RUMAHTANGGA, ALATAN PEJABAT
 DAN PERKAKAS

BAHAGIAN I

1. Menyimpan atau menjual alat solek atau alat keperluan bersuci:

(a)	Keluasan rantai tidak melebihi 140 mps	RM 180.00
(b)	Keluasan rantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 300.00
(c)	Keluasan rantai melebihi 280 mps	RM 420.00

2. Menyimpan atau menjual perhiasan atau dandanan diri:

(a)	Keluasan rantai tidak melebihi 140 mps	RM 180.00
